

Kemaruk raba

Metro 9/2/12 ms 4

sesama lelaki

Kelab malam jadi tumpuan gay menari ghairah sambil teguk arak

>>Oleh Muhd Izawan Baharin,
Mior Azlan Mior Kamarulbaid
dan Yasmizal Dolah Aling

ami@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Berkucupan, berpelukan dan raba-meraba sesama lelaki sambil berjoget mengikut rentak muzik menjadi lumrah di ruang tarian sebuah kelab malam di ibu kota yang sering dikaitkan dengan tempat golongan gay berpesta.

Tanpa mepedulikan suasana panas, dianggarkan hampir 200 pemuda berseksak-sesak menari terlompat-lompat sambil meneguk arak, berpelukan dan berkucupan sesama mereka tanpa segan silu sebaik muzik dimainkan.

Sebelum ini golongan homoseksual sering dikaitkan dengan hubungan cinta sesama jantina hingga melakukan hubungan seks luar tabii, namun tidak banyak diketahui mengenai aktiviti hiburan mereka.

Berdasarkan maklumat, Harian Metro melakukan tinjauan pada awal pagi Sabtu lalu di sebuah kelab malam di ibu negara dan mendapati ratusan lelaki berusia 20 tahun menari serta berpelukan ghairah sesama jantina bermula jam 1 hingga 3 pagi.

Disebabkan terlalu seronok, mereka mengajak orang yang tidak dikenali menari bersama, malah dalam suasana sesak itu ada di antara mereka 'kemaruk' meraba lelaki lain.

Kemuncak kepada hiburan itu ialah persembahan sekumpulan mak nyah yang menyanyi secara 'miming' beberapa lagu popular de-



TUMPUAN...pengunjung beratur untuk memasuki kelab malam terbabit.

ngan berpakaian seksi serta mempamerkan tarian berahi.

Dengan hanya memakai pakaian seperti bikini, persembahan mak nyah terbabit dinantikan pengunjung sebagai hiburan tambahan mereka di kelab itu.

Difahamkan, persembahan mak nyah terbabit hanya sekali seminggu membuatkan kelab malam terbabit dipenuhi pengunjung pada hari yang dianggap istimewa itu.

Kelab malam itu yang menjadi tumpuan golongan homoseksual di ibu kota untuk berhibur itu dikatakan mempelbagaikan program mereka bagi menarik perhatian pengunjung terutama ketika malam cuti umum.

Walaupun bayaran dikenakan mahal terutama apabila pengunjung terbabit memesan arak, ia bukan penghalang untuk kelab malam terbabit sesak dipenuhi lelaki untuk berhibur.

Seorang pengunjung yang hanya mahu dikenali sebagai Rin berkata, dia kerap mengunjungi kelab malam itu

bersama rakan di hujung minggu untuk berhibur selain melepaskan tekanan kerja.

"Apabila 'diraba' di sini, ia sesuatu yang biasa, lagipun semua yang datang di sini bersama teman masing-masing. Mereka tidak kacau lebih-lebih.

"Saya datang bersama rakan di sini semata-mata untuk berhibur dan melepaskan tekanan kerja, saya tidak pedulikan hal pengunjung lain. Mereka mahu buat apa saja dengan teman masing-masing, itu hal mereka," katanya.

Menurutnya, dia suka ke kelab itu kerana pemiliknya sering membuat kejutan kepada pengunjung terutama di malam sambutan perayaan tertentu.

"Kadang-kadang kalau 'bertuah', awak boleh tengok tarian separuh bogel oleh penari lelaki," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan Sosio Ekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Amin

Nordin Abd Aziz berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan berhubung perkara itu dan mengambil tindakan sewajarnya jika didapati premis terbabit melanggar peraturan sedia ada.

Katanya, ia aduan pertama seumpamanya membabitkan premis dijadikan kelab gay dan siasatan menyeluruh akan dijalankan serta ia dibincang pada mesyuarat yang diadakan semalam.

"Jika sabit kesalahan, deposit pemilik premis tidak akan dikembalikan dan jika kesalahan dilakukan lebih serius, maka kita akan membatalkan lesen yang dikeluarkan," katanya ketika dihubungi semalam.



MetroTV

Saksikan liputan video di
www.hmetro.com.my